

18 AUG 2002

Mahathir-Pertemuan

DR MAHATHIR ADAKAN PERTEMUAN DENGAN PM MYANMAR

Oleh: Rohana Mustaffa

YANGON, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Myanmar Jeneral Kanan Than Shwe sejurus tiba di sini untuk lawatan kerja dua hari.

Perjumpaan itu diadakan di bangunan Parlimen dan Perdana Menteri kemudian diraikan pada majlis makan malam di tempat yang sama yang turut dihadiri isteri Perdana Menteri Myanmar Puan Than Shwe serta Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Pada pertemuan itu kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pendapat mengenai isu dua hala kepentingan bersama terutama mengenai perdagangan dan pelaburan serta perkara berhubung isu serantau dan antarabangsa.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pada persidangan media sebelum ketibaan Dr Mahathir hari ini berkata lawatan Dr Mahathir bertujuan mengemaskini perhubungan politik dan ekonomi dengan Myanmar setelah proses perdamaian dilaksanakan.

"Perdana Menteri mahu mendapatkan maklumat secara peribadi suasana di sini, kerana beliau dipandang bukan sahaja di peringkat rantau tetapi antarabangsa sebagai pemimpin yang berpengaruh berkenaan Myanmar dan kita adalah penyokong kuat Myanmar menyertai Asean," katanya.

Oleh itu, perkembangan yang berlaku di sini menjadi satu perkara penting terutama wakil khas PBB Tan Sri Razali Ismail adalah rakyat Malaysia dan telah berperanan sebagai orang tengah dalam menjadikan kenyataan bagi perbincangan diadakan antara kerajaan Myanmar dan pemimpin pembangkang Aung San Suu Kyi, kata Syed Hamid.

Beliau berkata lawatan Dr Mahathir juga bertujuan meninjau bidang kerjasama ekonomi yang boleh diperkukuhkan kerana Malaysia merupakan antara negara utama yang membuat pelaburan dan perdagangan di sini dan pernah menduduki tempat teratas dengan merintis banyak pelaburan di Myanmar satu ketika dulu.

Bagaimanapun banyak pelabur negara terperangkap dengan krisis kewangan pada 1997 dan 1988, menyebabkan setelah ekonomi pulih, Perdana Menteri membuka langkah semula untuk pelabur memasuki Myanmar untuk menceburi bidang yang dikenali pasti berpotensi, katanya.

Malaysia kini berada di tempat keempat daripada segi jumlah dagangan dengan Myanmar sebanyak RM1.045 bilion tahun lepas, selepas Singapura, United Kingdom dan Thailand.

Syed Hamid berkata Malaysia mementingkan perdagangan dengan Myanmar seperti juga dengan negara Asean lain kerana jumlah perdagangan negara dalam Asean ialah sebanyak 26 peratus.

Malaysia juga mahu memastikan Myanmar membina keupayaan tenaga manusianya seperti juga anggota baru Asean yang lain - Laos, Vietnam dan Kemboja - dalam menyediakan diri mereka bersama-sama negara anggota lama Asean memasuki pasaran serantau dan global, katanya.

Syed Hamid berkata kekuatan anggota delegasi Dr Mahathir pada lawatan ini seramai 300 orang, tidak termasuk mereka yang menghadiri Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia anjuran Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT) dan SPDC esok, 90 peratus adalah dari sektor perniagaan.

Ia menunjukkan betapa seriusnya usaha Malaysia untuk memastikan lawatan kerja ini, yang merupakan lawatan balas dalam beberapa siri lawatan kedua-dua pemimpin, menghasilkan kejayaan yang tinggi, katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia berpuas hati dengan proses membuka pintu Myanmar yang menuju ke arah positif kerana ia akan banyak membantu mewujudkan suasana sesuai untuk pelabur.

Melihat kepada jadual ketat lawatan Dr Mahathir, timbul pertanyaan mengenai adakah mungkin ada ruang untuk pertemuan beliau dengan Suu Kyi seperti yang diramalkan beberapa pihak dan Syed Hamid ketika menjawab soalan itu berkata sebarang permintaan bagi pertemuan di pihak Suu Kyi, sekiranya ada, perlu melalui kerajaan Myanmar.

Ini adalah lawatan kerja dan sebagai tetamu yang dijemput, terpulang kepada kerajaan Myanmar untuk mengaturkan acara dan memaklumkan mengenai sebarang pertemuan yang diatur, katanya.

-- BERNAMA

RON AKT RHM